

Penternakan ayam penelur sememangnya mempunyai potensi luas untuk diceburi memandangkan permintaan terhadap telur segar semakin meningkat setiap hari.

Menyedari keperluan itu, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalin kerjasama strategik dengan QL Resources bagi membantu pelajar mendalami ilmu berkaitan penternakan ayam penelur.

Inisiatif itu bermula apabila sebuah rumah ayam penelur yang dibina pihak berkenaan di Ladang 15 fakulti terbabit untuk menempatkan 1,500 ekor ayam penelur baka HISEX Brown.

Menurut Dekan Fakulti Pertanian, UPM, Profesor Dr Loh Teck Chwen, projek yang bermula Disember tahun lalu itu sudah mula menampakkan hasil apabila lebih 1,200 telur segar dapat dikutip setiap hari.

Katanya, hasil pengeluaran telur itu bukan sahaja dapat membantu memenuhi keperluan warga kampus malah komuniti setempat.

"Tujuan utama penternakan ayam penelur ini bukanlah untuk mendapatkan keuntungan



PENOLONG Pegawai Veterinar, Mohamad Naim Sabun memeriksa kualiti telur yang dihasilkan.

KUTIP 1,200 TELUR SEGAR

SEHARI

Projek Fakulti Pertanian UPM
penuhi kegunaan warga kampus
dan komuniti setempat



Lebih istimewa, rumah ayam penelur ini turut dilengkapi dengan sistem pengudaraan rumah hijau menggunakan pad penyejuk

DR LOH



PENTERNAKAN ayam penelur sememangnya mempunyai potensi luas untuk diceburi.

daripada hasil jualan sebaliknya lebih kepada membantu pembelajaran pelajar di fakulti ini.

"Kami mahu menyediakan graduan yang bukan sahaja mempunyai ilmu pengetahuan, tetapi juga kemahiran pengurusan dan amalan pertanian lain yang diperlukan industri.

"Jadi, apabila tamat belajar kelak, mereka boleh menceburi pelbagai cabang pertanian dan penternakan termasuk ayam penelur ini," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Loh berkata, rumah ayam penelur itu bukan reban ayam biasa kerana mengguna pakai sistem

ternakan secara terkawal dan tertutup untuk menjaga kualiti serta keselamatan ternakan.

"Lebih istimewa, rumah ayam penelur ini turut dilengkapi dengan sistem pengudaraan rumah hijau menggunakan pad penyejuk.

"Selain dapat mengekalkan suhu yang sesuai sistem itu juga lebih menjimatkan kos operasi kerana tidak memerlukan penggunaan pendingin hawa," katanya.

Sementara itu, pengendali projek berkenaan, Pembantu Veterinar, Mior Mohd Nizam Mior Mohd Shopi berkata, dia dan pasukannya bertanggungjawab untuk menjaga operasi rumah ayam penelur Ladang 15 meliputi keseluruhan rangkaian, bermula daripada penjagaan kesihatan ayam, kebersihan reban sehinggalah pemasaran telur.

Katanya, bagi mengelakkan stres pada ayam dan mengekalkan produktiviti, rumah ayam penelur itu juga perlu dibersihkan secara berkala. "Untuk pemakanan, ia juga perlu dijaga dengan teliti dan diberi makan dedak campuran dua kali sehari iaitu pada waktu pagi dan petang selain vaksin secara berkala.

"Secara purata, seekor ayam penelur akan bertelur sekitar enam biji seminggu. "Ayam penelur yang berumur 18 minggu ke atas (matang) mengeluarkan telur yang lebih berkualiti dan ia akan bertelur sehingga umur 90 minggu sebelum menjadi ayam pecten," katanya.

Menurut Mior Mohd Nizam lagi, walaupun rumah ayam itu menggunakan teknologi automatik, telur yang dikutip setiap hari akan digredkan secara manual mengikut piawaian pasaran (AAA, AA, A, B, dan C).

"Kami banyak merujuk piawaian syarikat besar bagi memastikan kualiti produk setara dengan industri.

"Projek ini membuktikan peranan UPM dalam menyokong kelestarian makanan, memperkukuh komuniti dan melahirkan generasi muda berpengetahuan dalam bidang penternakan," katanya.



MIOR Mohd Nizam (kanan) dan **Mohamad Naim** di hadapan rumah ayam penelur yang diusahakan di Ladang 15 Fakulti Pertanian UPM.



PROJEK yang bermula Disember tahun lalu itu sudah mula menampakkan hasil apabila lebih 1,000 telur segar dapat dikutip setiap hari.